

TIADA BANDINGAN

Mulakan Perjalanan Pendidikan Berkualiti Pada Harga Yang Tiada Tandingan Di UCTS

Berita baik bagi calon pelajar Bumiputera Sarawak yang ingin melanjutkan pelajaran ke program Asasi dan Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2020. University College of Technology Sarawak (UCTS) dengan kerjasama dengan Yayasan Sarawak telah menawarkan skim bantuan kewangan yang dinamakan BP40 untuk membantu golongan isi rumah yang berpendapatan rendah atau pertengahan (B40 dan M40) bagi mengurangkan beban perbelanjaan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke UCTS.

Peluang ini hanya terbuka kepada 100 orang pelajar baru Bumiputera Sarawak yang terawal mendaftar di UCTS pada tahun 2020. Syarat utama untuk permohonan bantuan kewangan ini adalah mereka mesti mendaftar sebagai pelajar UCTS dan berada di dalam golongan isi rumah yang berpendapatan rendah atau pertengahan (B40 dan M40).

BP40 bertujuan mengurangkan kos pembelajaran di UCTS yang juga hampir sama dengan yuran IPTA. Contohnya pelajar yang mendaftar masuk program Asasi (Sastera/Sains) selama 1 tahun pembelajaran, hanya menanggung kos pembelajaran bermula dari RM3,200 daripada harga asal iaitu RM10,000. Untuk program Ijazah Sarjana Muda pula, Bidang Perniagaan (3 tahun) anggaran kos pembelajaran bermula dari RM15,568, Bidang Kejuruteraan (4 tahun) bermula dari RM 22,754, Bidang Pengkomputeran (3.5 tahun) bermula dari RM 16,902 dan dalam bidang Alam Bina bermula dari RM 17,296.

Sekiranya pelajar tersebut berjaya memperoleh bantuan BP40, mereka berpeluang untuk memohon pinjaman Yayasan Sarawak yang memberi mereka RM4,000 elaun setahun. Selepas tamat pengajian, pelajar yang mencapai PNGK 3.0 dan ke atas akan layak menerima rebat 50% atas pinjaman mereka, manakala pelajar yang mendapat PNGK 3.5 dan ke atas layak mendapat rebat 75% atas pinjaman mereka.

Untuk makluman, UCTS adalah universiti yang dimiliki penuh kerajaan Sarawak. Oleh itu, pelbagai bentuk bantuan disediakan untuk menjamin pendidikan bermutu kepada generasi baru bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan BP40 ini, pelajar Bumiputera Sarawak dapat melanjutkan pelajaran mereka dengan lebih yakin dan berpeluang untuk memilih bidang kursus yang diminati di UCTS tanpa perlu risau tentang beban perbelanjaan sepanjang pembelajaran di UCTS. Kerjasama daripada UCTS dan Yayasan Sarawak ini juga dapat membantu dalam meningkatkan lagi taraf kehidupan pelajar Bumiputera Sarawak yang juga selari dengan hasrat Kerajaan Sarawak dalam membangunkan modal insan generasi baru yang berpotensi dan berdaya saing.

UCTS telah beroperasi sejak 2013 dan merupakan salah satu usaha Kerajaan Sarawak ke arah menjadikan UCTS sebagai pusat hub untuk menghasilkan graduan berpotensi bagi menerajui projek *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). UCTS sangat komited dalam menghasilkan pemimpin generasi baru yang kreatif dan berkeusahawanan menerusi

pendidikan meluas dalam sains dan teknologi, UCTS juga dalam visi untuk menjadi Universiti teknikal bertaraf global berlandaskan sains dan teknologi.

Ambilan Februari 2020 kini dibuka, bagi calon-calon yang berminat boleh mendaftar di kaunter pendaftaran UCTS atau layari ke <https://bit.ly/2TE5J25> untuk memohon.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian 084-367 300 (Kampus Sibul)/ 082 -422 622 (Pejabat Pemasaran Kuching) atau email ke; enquiry@ucts.edu.my serta boleh lawati laman sosial kami @uctsofficial di Facebook & Instagram.